

APO-ACETAZOLAMIDE TABLETS

Acetazolamide (250mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Apo-Acetazolamide
2. Bagaimana Apo-Acetazolamide berfungsi
3. Sebelum menggunakan Apo-Acetazolamide
4. Cara menggunakan Apo-Acetazolamide.
5. Semasa menggunakan Apo-Acetazolamide
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Acetazolamide
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh Kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Apo-Acetazolamide

Apo-Acetazolamide digunakan untuk keadaan berikut:

- Menurunkan tekanan di mata bagi pesakit glaucoma (satu keadaan yang merosakkan saraf optic dan menyebabkan kehilangan penglihatan).
- Membantu mengawal beberapa jenis sawan bagi pesakit epilepsi.
- Menjadikan air kencing kurang berasid untuk merawat keracunan tertentu, seperti keracunan aspirin.

Bagaimana Apo-Acetazolamide berfungsi

Apo-Acetazolamide adalah ubat yang berfungsi dengan menyekat enzim yang dipanggil karbonik anhidrase. Acetazolamide mengurangkan cecair di dalam mata yang membantu menurunkan tekanan dan juga membantu badan untuk mengeluarkan lebihan garam, kalium dan bikarbonat melalui air kencing bagi menjadikan air kencing kurang berasid.

Sebelum menggunakan Apo-Acetazolamide

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan ambil Apo-Acetazolamide jika:

- anda mempunyai paras natrium dan kalium yang rendah dalam darah
- anda mempunyai masalah buah pinggang, termasuk kegagalan buah pinggang

- anda mempunyai masalah dengan kelenjar adrenal anda – kelenjar yang terletak di atas buah pinggang
- anda mempunyai masalah dengan elektrolit yang menyebabkan ketidakseimbangan dalam keseimbangan asid-basa badan anda (asidosis metabolik)
- anda mempunyai masalah hati yang teruk
- anda mempunyai glaukoma teruk atau glaukoma hemorrhagic
- anda mempunyai sejenis glaukoma yang dikenali sebagai glaukoma penutupan sudut kronik bukan kongestif
- anda sedang mengandung

- *Sebelum menggunakannya*

Untuk membantu mengelakkan kesan sampingan dan memastikan penggunaan ubat ini dengan betul, berbincang dengan profesional kesihatan anda sebelum anda mengambil Apo-Acetazolamide. Bincangkan sebarang keadaan kesihatan atau masalah yang mungkin anda hadapi, termasuk jika anda:

- sedang menyusu. Tidak diketahui sama ada acetazolamide boleh meresap ke dalam susu ibu.
- pernah mengalami masalah paru-paru atau pernafasan (seperti cecair dalam paru-paru) selepas mengambil acetazolamide sebelum ini.

Amaran lain yang perlu anda ketahui:

Ujian darah dan pemantauan: Acetazolamide boleh menyebabkan keputusan ujian darah dan air kencing menjadi tidak normal. Profesional kesihatan anda akan menentukan masa yang sesuai untuk menjalankan ujian yang diperlukan dan akan mentafsirkan keputusan tersebut.

Masalah mata: Acetazolamide boleh menyebabkan gangguan mata secara tiba-tiba seperti:

- Effusi koroid: pengumpulan cecair yang tidak normal dalam mata anda yang mungkin menyebabkan perubahan penglihatan.
- Miopia: rabun jauh secara tiba-tiba atau penglihatan kabur.
- Glaukoma: peningkatan tekanan dalam mata anda dan kesakitan pada mata. Boleh menyebabkan kehilangan

penglihatan secara kekal jika tidak dirawat.

Jika penglihatan anda berubah, hentikan pengambilan acetazolamide dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera. Gangguan mata ini berkaitan dan boleh berlaku dalam tempoh beberapa jam hingga beberapa minggu selepas memulakan pengambilan acetazolamide.

Kehamilan dan penyusuan

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Kesan acetazolamide pada kehamilan dan anak dalam kandungan tidak diketahui. Anda tidak boleh mengambil Apo-Acetazolamide jika anda hamil. Hubungi doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil Apo-Acetazolamide.

Minta nasihat doktor jika mengambil Apo-Acetazolamide semasa menyusu kerana kesan Acetazolamide dalam susu ibu tidak diketahui.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Sila maklumkan doktor atau ahli farmasi sekiranya mengambil ubat lain tanpa preskripsi atau ubat traditional.

Ubat-ubatan yang mungkin berinteraksi dengan Apo-Acetazolamide termasuk:

- Antasid
- Ubat sawan
- Sedatif
- Anestetik tempatan
- Salicilat seperti aspirin

Cara menggunakan Apo-Acetazolamide

Sentiasa ambil ubat ini sama seperti yang diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

- *Berapa banyak harus digunakan*

- Chronic open angle glaucoma: 1 tablet 1 hingga 4 kali sehari.
- Secondary or acute glaucoma: 1 tablet setiap 4 jam.
- Epilepsy: Dos bergandung kepada berat badan.
- Alkalinizing Urine: 1 tablet setiap 4 hingga 6 jam.

APO-ACETAZOLAMIDE TABLETS

Acetazolamide (250mg)

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Anda harus mengambil sebaik sahaja anda ingat. Walaubagaimanapun, jika dalam masa dua jam daripada dos yang seterusnya, jangan ambil dos yang terlepas dan terus mengambil ubat anda seperti biasa.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Dapatkan bantuan perubatan dengan segera, sama ada dengan menghubungi doktor anda atau pergi ke jabatan kecemasan hospital terdekat. Bawa bersama mana-mana tablet yang masih ada serta risalah ini, supaya kakitangan perubatan dapat mengetahui dengan tepat apa yang telah anda ambil.

Semasa menggunakan Apo-Acetazolamide

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat seperti yang diarahkan oleh doktor.

Jika anda mengalami sesak nafas atau kesukaran bernafas selepas mengambil Apo-Acetazolamide, dapatkan perhatian perubatan dengan segera.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat melainkan dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Apo-Acetazolamide kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin

Jika ubat ini membuat anda rasa pening atau sakit kepala, jangan memandu atau

menggunakan mesin dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat lain, Apo-Acetazolamide boleh menyebabkan kesan sampingan tetapi bukan semua akan mengalaminya.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami simptom berikut selepas mengambil ubat ini.

Kesan sampingan mungkin termasuk:

- Demam
- hilang selera makan
- mengantuk
- kekeliruan
- kebas atau rasa berdenyut pada kulit
- kelemahan otot

Apo-Acetazolamide boleh menyebabkan reaksi yang serius. Berhenti menggunakan Apo-Acetazolamide dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami mana-mana gejala berikut:

Biasa

- Penekanan sumsum tulang: jangkitan (demam, menggigil, sakit tekak, ulser mulut), kelemahan, keletihan, mudah lebam, pendarahan di hidung, gusi atau mulut, bintik merah kecil pada kulit, ruam, sesak nafas, kulit, bibir dan pangkal kuku pucat
- Masalah buah pinggang (termasuk batu karang): air kencing keruh, darah dalam air kencing, kencing lebih kerap daripada biasa, sakit tajam di sisi dan belakang, sakit atau pedih semasa kencing, loya, muntah
- Reaksi kulit serius (Sindrom Stevens Johnson, Eritema Multiforme, Nekrolisis Epidermis Toksik dan Pustulosis Eksantematik Akut yang Menyeluruh): kulit mengelupas, bersisik, atau berlepuh (dengan atau tanpa nanah) yang juga mungkin memberi kesan kepada mata, mulut, hidung atau alat kelamin anda, gatal, ruam teruk, benjolan di bawah kulit, sakit kulit, perubahan warna kulit (kemerahan, kekuningan, keunguan), bengkak dan kemerahan mata atau muka, rasa seperti selesema, demam, menggigil, sakit badan, kelenjar bengkak, batuk

Tidak Diketahui

- Pendarahan tidak normal: najis hitam pekat, darah dalam air kencing.
- Masalah mata:
 - Effusi koroid: pembentukan cecair yang tidak normal di dalam mata yang boleh menyebabkan perubahan penglihatan;
 - Miopia akut: rabun dekat yang tiba-tiba atau penglihatan kabur;
 - Glaukoma sudut akut: peningkatan tekanan mata yang cepat, serta sakit mata. Jika tidak dirawat, ia boleh menyebabkan kehilangan penglihatan secara kekal.
- Masalah hati (termasuk kegagalan hati): kekuningan pada bahagian putih mata atau kulit, kegatalan, air kencing gelap, najis pucat, kenaikan berat badan, bengkak dan sakit perut, hilang selera makan, sesak nafas, kekeliruan atau bingung.
- Masalah paru-paru (edema pulmonari (cecair dalam paru-paru), sindrom gangguan pernafasan akut, hipoksemia (kekurangan oksigen dalam darah): sakit kepala, batuk, berdehit (*wheezing*), sesak nafas, kesukaran bernafas, degupan jantung tidak normal
- Sawan: sawan, gegaran badan yang tidak terkawal dengan atau tanpa kehilangan kesedaran

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Penyimpanan dan pelupusan Apo-Acetazolamide

- Penyimpanan

Simpan bawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda

APO-ACETAZOLAMIDE TABLETS

Acetazolamide (250mg)

mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet putih, bulat dan bikonkaf. Terbelah di satu sisi, sisi lain terukir dengan "APO" di atas nombor "250".

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:
Acetazolamide

- Bahan tidak aktif:
Magnesium Stearate, Microcrystalline Cellulose, Colloidal Silicon Dioxide

- Nombor MAL

MAL19984701AZ

Pengilang

Apotex Inc
150 Signet Drive, Toronto Ontario,
Canada M9L 1T9

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaforte (M) Sdn Bhd.
2, Jalan PJU 3/49, Sunway Damansara,
47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Tarikh Kemaskini RiMUP

21/04/2026

Nombor Siri

NPRA(R2/1)260421/00048